

Meningkat 2.3 peratus berbanding suku tahun pertama 2023 seramai 33.2 juta

Penduduk Malaysia 34 juta orang

Oleh ZULKIFLI MANZOR

PETALING JAYA – Penduduk Malaysia sehingga suku pertama tahun ini dianggarkan seramai 34 juta iaitu peningkatan 2.3 peratus berbanding suku tahun pertama 2023 seramai 33.2 juta.

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr. Mohd. Uzir Mahidin berkata, peningkatan itu disumbangkan oleh pertambahan semula jadi yang positif bagi warganegara dan juga pertambahan bukan warganegara.

"Jumlah penduduk ini merangkumi 30.6 juta (90 peratus) warganegara dan 3.4 juta (10 peratus) bukan warganegara. Penduduk lelaki meningkat kepada 17.8 juta daripada 17.4 juta pada suku tahun pertama 2023 dan perempuan meningkat kepada 16.1 juta daripada 15.8 juta bagi tempoh yang sama.

"Secara keseluruhan, nisbah jantina penduduk adalah 111 lelaki bagi setiap 100 perempuan, manakala nisbah jantina bagi penduduk warganegara adalah 103 lelaki bagi setiap 100 perem-



JUMLAH penduduk lelaki di negara ini meningkat kepada 17.8 juta berbanding 17.4 juta pada suku pertama tahun lepas. – GAMBAR HIASAN

puan.

"Melayu menyumbang 57.9 peratus (17.7 juta) daripada jumlah tersebut, manakala Cina, India dan bumiputera lain (ma-

sing-masing) kekal kepada 22.6 peratus, 6.6 peratus dan 12.2 peratus," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Beliau mengulas laporan

Jabatan Perangkaan Malaysia berkaitan Perangkaan Demografi yang memaparkan data penduduk, kelahiran hidup dan kematian bagi suku tahun pertama

2024.

Mohd. Uzir berkata, penduduk umur muda (0 hingga 14 tahun) dan umur bekerja (15 - 64 tahun) masing-masing meningkat daripada 7.5 juta dan 23.2 juta kepada 7.7 juta dan 23.8 juta pada suku tahun pertama 2024.

Menurut beliau, komposisi penduduk umur tua berusia lebih 65 tahun pula kekal pada 2.5 juta.

Sementara itu, katanya, jumlah kelahiran di Malaysia sehingga suku tahun pertama 2024 merekodkan penurunan sebanyak 9.4 peratus iaitu 106,386 kelahiran berbanding 117,413 kelahiran pada suku tahun pertama 2023.

Kata beliau, secara purata seorang bayi dilahirkan pada setiap minit, 49 bayi bagi setiap jam dan 1,182 bayi dilahirkan sehari pada suku tahun pertama 2024.

Jelas beliau, secara purata satu kematian direkodkan pada setiap dua minit, manakala 22 kematian direkodkan setiap jam dan 533 kematian sehari di negara ini.